

Jurutera hantar dadah dicekup

SERDANG - Kewangan yang tidak menentu mendorong seorang jurutera syarikat swasta melakukan kerja sambilan sebagai penghantar dadah dengan upah RM30 hingga RM50 bagi setiap pekete serbuk ekstasi.

Suspek berusia 31 tahun melakukan pekerjaan itu bergantung kepada permintaan bagi menambah duit poket sejak enam bulan lalu.

Lelaki itu merupakan antara lima individu berusia 18 hingga 47 tahun yang diberkas Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Serdang dalam empat serbuan di Bandar Puchong Jaya dan Taman Bukit Serdang pada 6 Mac lalu.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner A. Anbalagan berkata, bertindak atas maklumat, dua suspek termasuk jurutera ditahan di dua buah kondominium di Puchong Jaya dan merampas ekstasi, pil erimin 5, pil ekstasi serta syabu.

"Polis kemudian menyerbu sebuah premis di Seri Kembangan yang dijadikan stor penyimpanan dan merampas 230 botol minuman pelbagai perisa serta jenama terkenal disyaki bercampur serbuk ekstasi, 266 paket serbuk ekstasi dan 911 biji pil ekstasi," katanya pada sidang akh-



ANBALAGAN (dua dari kiri) menunjukkan sebahagian dadah yang dirampas pada sidang akhbar di Serdang semalam.

bar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang di sini semalam.

Menurut beliau, polis turut menyerbu sebuah lagi premis di lokasi sama yang dijadikan stor dan merampas 286 botol minuman pelbagai jenama bercampur ekstasi, 319 paket serbuk ekstasi dan lain-lain.

Nilai keseluruhan dadah yang dirampas dianggarkan RM380,000. Turut disita kenderaan jenis Hyundai Elantra dan Toyota Vios.

"Siasatan mendapati minu-

man yang dicampur dadah itu dijual pada harga mencecah RM150 sebotol, manakala saiz besar pula RM300. Sindiket menyasarkan pelanggan pusat hiburan dan peserta parti liar.

"Setiap suspek mempunyai peranan berbeza. Stor penyimpanan bahan terlarang itu juga berasingan bagi mengelak dikesan pihak berkuasa," ujarnya.

Salah seorang suspek positif syabu. Mereka direman selama enam hari sehingga semalam bagi membantu siasatan.